

01/08/2001

ASNBN tarik pelaburan RM1.75b di Kelantan

Azman Mahmood

PERMODALAN Nasional Bhd (PNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, Amanah Saham Nasional Bhd (ASNBN), sehingga kini menerima pelaburan lebih RM1.75 bilion di Kelantan menerusi tujuh dana saham kendaliannya.

Jumlah pelaburan itu membabitkan 482,186 pelabur termasuk mereka yang melabur dalam skim amanah saham terbarunya, Amanah Saham Didik (ASD) yang terbaru diperkenalkan.

Bagi ASD saja yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada April lalu, ASNBN sehingga kini memperoleh pelaburan bernilai hampir RM5 juta di negeri itu.

Ketika ini PNB menerusi ASNBN menguruskan tujuh amanah sahamnya iaitu Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), Amanah Saham Nasional 2 (ASN2), Amanah Saham Malaysia (ASM) dan ASD.

Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata bagi memudahkan pelabur berurus niaga dan mendapatkan perkhidmatan terbaik berkaitan pelaburan dalam pelbagai saham amanahnya, ASNBN kini mempunyai lebih 1,500 rangkaian ejen berkomputer dan 16 pejabat cawangan di seluruh negara.

Ejen terbabit adalah rangkaian dan cawangan Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia), Malayan Banking Bhd (Mayban), Mayban Finance Bhd, RHB Bank Bhd dan Bumiputera Commerce Bhd (BCB).

"Dengan kemudahan disediakan itu (rangkaian ejen ASNBN), PNB berharap lebih ramai rakyat melabur, termasuk di Kelantan dalam saham amanah (PNB) yang sedia ada di pasaran, termasuk yang akan diperkenalkan dari semasa ke semasa.

"Sejak lebih 20 tahun PNB memperkenalkan saham amanahnya yang pertama iaitu Amanah Saham Nasional (ASN) hingga kepada amanah saham terbaru ASD, saham PNB terus mencatat pulangan yang berdaya saing kepada pelaburnya," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Pejabat ASNBN cawangan Kota Bharu yang disempurnakan Sultan Kelantan, di Jalan Parit Dalam, Kota Bharu, semalam.

Hadir sama, Raja Perempuan Kelantan dan anakanda baginda, Tengku Mahkota, Tengku Bendahara, Tengku Temenggong dan Tengku Amalin A'Ishah Putri.

Selain itu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Ketua Eksekutif PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman turut hadir.

Ahmad Sarji berkata, pejabat ASNBN cawangan Kota Bharu yang baru dibuka itu akan menjadi pusat rujukan pelaburan dan khidmat nasihat terbaik untuk pelabur mendapatkan khidmat nasihat.

(END)